

REFORMIS DUNIA

TOKOH FALSAFAH DUNIA



9.22
ZM

Azmi Aziz
Wan Ramli Wan Muhamad



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



REFORMIS DUNIA

TOKOH FALSATAH DUNIA

Azmi Aziz
Wan Ramli Wan Muhamad

PUSTAKA PERDANA



1012542



PERDANA PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD



Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
No. 1 & 3, Jalan 3/91A
Taman Shamelin Perkasa, Cheras
56100 Kuala Lumpur
Tel: 03-92856577
Fax: 03-92846554/92875763
e-mel: enquiry@upnd.com.my
laman web: www.upnd.com.my

© Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
Terbitan Pertama 2002
Ulang Cetak 2006

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia
Azmi Aziz

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Tokoh falsafah dunia: reformasi dunia / Azmi Aziz, Wan Ramli
Wan Muhamad.
ISBN 967-61-1256-6

1. Philosophers. 2. Reformers--Biography.
I. Wan Ramli Wan Muhamad. II. Judul.
109.22

Dicetak oleh
LOHPRINT SDN. BHD.
No. 5, Jalan SR 3/6,
Taman Serdang Raya,
43300 Seri Kembangan,
Selangor Darul Ehsan.



PENDAHULUAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian makhluk serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.

Lazimnya subjek falsafah dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya seperti pemikiran dan karya kefalsafahan bukanlah sesuatu yang popular di Malaysia. Keadaan ini wujud bukan sahaja di kalangan masyarakat massa tetapi juga berlaku di kalangan warga menara gading, tempat di mana ilmu dan pemikiran diwacanakan. Oleh itu, sesuatu yang harus diakui ialah tahap pengetahuan falsafah di kalangan rakyat Malaysia masih agak jauh ketinggalan. Umumnya, imej-imej yang muncul dalam minda masyarakat Malaysia apabila membicarakan falsafah hanya berlegar di sekitar beberapa nama tokoh falsafah agung seperti Socrates, Plato, Aristotle dan Ibnu Sina. Dari segi isu pula, falsafah sering dibicarakan sebagai sesuatu yang hanya berkaitan dengan agama. Walhal perbincangan ilmu falsafah sudah begitu jauh dan pesat berkembang di Barat dan Timur Jauh. Hal ini dapat digambarkan dengan kewujudan fakulti atau jabatan falsafah di hampir semua universiti mereka. Isu-isu yang dibincangkan pula berkembang bersesuaian dengan peredaran zaman seperti juga ilmu yang lain. Malah, wacana falsafah telah diwarnai dengan bidang lain seperti sains tulen, sains sosial dan hubungan sains dan agama. Situasi ini berbeza sekali dengan di Malaysia di mana tidak ada satu pun jabatan falsafah ditubuhkan di universiti-universiti di Malaysia. Mungkin hal ini menyebabkan wacana ilmiah berbentuk falsafah sukar didapati di sini. Hal ini sebenarnya merugikan kerana falsafah penting untuk membantu

seseorang supaya boleh berfikir secara mendalam, matang dan rasional. Ia dapat menghindar manusia daripada menjadi seorang yang berfikiran sempit dan menjurus kepada sesuatu bidang tertentu sahaja. Oleh itu, wacana falsafah amat perlu 'dimasyarakatkan'. Ini boleh dilakukan melalui penerbitan karya-karya bercorak kefalsafahan dengan lebih prolifik di dalam bahasa Melayu agar wacana tersebut dapat difahami oleh segenap lapisan masyarakat di Malaysia. Dengan tujuan untuk memasyarakatkan ilmu falsafah itulah maka buku *Tokoh Falsafah Dunia* ini diusahakan.

Kehadiran buku ini hanyalah untuk menambah bilangan buku yang telah diterbitkan dalam bahasa Melayu, berkenaan falsafah amnya, dan tokoh falsafah khasnya agar ia lebih mudah dinikmati oleh masyarakat massa yang meminati idea-idea falsafah. Oleh itu, buku ini bukanlah buku akademik kerana ia tidak memenuhi tuntutan syarat-syarat penulisan akademik. Seperti mana yang telah dinyatakan, tujuan buku ini dihasilkan adalah untuk mendekatkan ilmu falsafah kepada masyarakat.

Tokoh falsafah utama seperti Socrates, Plato dan Aristotle tidak dimuatkan dalam buku ini kerana sudah terlalu banyak riwayat dan pemikiran tersebut dibicarakan. Maklumat tentang mereka boleh didapati hampir di mana sahaja. Justeru itu buku ini cuba mendedahkan pemikiran tokoh utama lain yang mana sumbangan mereka juga penting.

Pada kesempatan ini juga penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada para pelajar kursus Pengantar Falsafah sesi 2000/1 kerana telah banyak membantu penulis mencari maklumat darihal tokoh yang dibicarakan di dalam buku ini. Tanpa bantuan mereka mustahil buku ini dapat dihasilkan. Semoga usaha bersama ini mendapat keberkatan daripada Tuhan Yang Maha Bijaksana. Untuk pembaca sekalian diucapkan selamat membaca.

Azmi Aziz
UKM

KANDUNGAN

<i>Pendahuluan</i>	iii
Konfusius (551 S.M-479 S.M)	1
Ibnu Sina (910 M-1037 M)	13
Al-Ghazali (1059 M-1111 M)	20
Rene Descartes (1596 M-1650 M)	32
Karl Marx (1818 M-1883 M)	42
Mahatma Gandhi (1869 M-1948 M)	53
Bertrand Russell (1872 M-1970 M)	62
Ludwig Wittgenstein (1889 M-1951 M)	73
Martin Heidegger (1889 M-1976 M)	82
Malik Ben Nabi (1905 M-1973 M)	97
Michel Foucault (1926 M-1984 M)	105
<i>Bibliografi</i>	115
<i>Biodata</i>	119



KONFUSIUS

(551 S.M-479 S.M)

PENGENALAN

Sepanjang sejarah penubuhan negara China, falsafah berperanan membentuk etika, nilai-nilai, moral, adat dan kepercayaan masyarakat setempat. Falsafah merupakan suatu elemen yang penting dalam budaya (Cheu Hock-Tong, 2000). Falsafah dianggap sebagai suatu pemikiran yang mempunyai nilai-nilai tertinggi dalam kehidupan (Cheu Hock-Tong, 2000).

Antara ahli falsafah China yang terkenal ialah Konfusius, Mencius, Lou Tzu dan Mo Tzu. Berasaskan sejarah China, pada abad ke-6 Konfusius dan Lou Tzu telah muncul sebagai ahli falsafah yang giat berusaha untuk menjana kebijaksanaannya dalam membentuk satu sistem yang lebih teratur dan sistematik dari segi politik, sosial dan ekonomi di negara China (Cheu Hock-Tong, 2000).

RIWAYAT HIDUP

Falsafah Konfusianisme atau *Confucianism* diasaskan oleh Konfusius. Namanya yang sebenar ialah Kon Qiu tetapi lebih dikenali sebagai Kong Fuzi atau Master Kong atau Kongzi. Beliau dilahirkan di Daerah Lu (kini lebih dikenali sebagai Daerah Shantung) pada tahun 551 S.M, dan meninggal dunia pada tahun 479 S.M (Cheu Hock-Tong, 2000).

Menurut *Tao's Commentary*, Konfusius berasal daripada golongan

bangsawan. Bapanya, Tse Shu Le pernah bertugas sebagai pegawai tentera dan meninggal dunia sebelum Konfusius dilahirkan. Selepas kematian bapanya, kehidupan Konfusius dan ibunya, Yen Cheng Tsai (seorang wanita yang berpendidikan tinggi dan berbudi pekerti) semakin sukar dengan menempuh pelbagai pancaroba yang mana mematangkan dirinya (Hsu, Leonard Shihlien, 1975).

Konfusius pernah bekerja sebagai polis di mahkamah Daerah Lu. Tidak lama kemudian beliau berhenti dan menumpukan sepenuh masa sebagai mahaguru serta pentadbir yang menyokong falsafah duniawi.

Aliran pemikiran atau falsafahnya dikenali sebagai *Ju Chia* atau juga dikenali sebagai Konfusianisme (*Confucianism*). Dalam *Ju Chia* beliau menitikberatkan aspek nilai-nilai murni atau kemanusiaan serta peraturan sosial. Konfusius berpendapat seseorang insan mestilah memiliki satu garis panduan tentang tingkah laku yang berdasarkan nilai-nilai abstrak untuk menjadi seorang manusia yang *super* atau *gentlemen* (*Chun Tze*), iaitu 'Peribadi Agung'. Beliau telah menamakan nilai-nilai abstrak ini sebagai *Wu Chang* (*Five Virtues*), iaitu sifat-sifat murni manusia atau etika manusia yang terdiri daripada *Li* (*Principle*) atau 'Keserasian', *Ren* atau *Jen* (*Humanity*) atau 'Perikemanusiaan', *Xin* (*Faithfulness*) atau 'Kebolehpercayaan' atau 'Keikhlasan', *Yi* (*Honesty*) atau 'Amanah' atau 'Keadilan' dan *Zhi* (*Wisdom*) atau 'Kebijaksanaan'. Jelas menunjukkan bahawa, beliau amat menekankan nilai-nilai akhlak dan moral yang mulia (Hoobler / Hoobler, 1993).

AHLI FALSAFAH

Negara China sebelum Zaman Chun Chiu (722 S.M - 481 S.M) berada dalam keadaan huru-hara. Zaman tersebut dikenali sebagai Zaman Purba (Chou awal, Dinasti Chou dan Dinasti Shang) (R.Dawsan, 1975). Pada Zaman Purba, gejala-gejala korupsi politik sering berlaku, keadaan penguasaan anarki wujud begitu ketara. Imperialisme yang hanya mengutamakan diri sendiri kian berleluasa. Perebutan kuasa pemerintahan, kemerosotan sistem feodal yang mengancam keselamatan negara dan lain-lain lagi senario yang membawa kepada huru-hara telah memburukkan keadaan serta menjadi satu ancaman serius terhadap keharmonian serta keamanan negara China (R. Dawsan, 1975).

Keadaan ini mendorong Konfusius bertekad dan berusaha

mengembalikan keamanan dan keharmonian antara manusia dengan manusia; manusia dengan alam, dan mengembalikan kestabilan negara China.

Selain daripada huru-hara, faktor Konfusius mendewa-dewakan bapanya sehingga terus memikirkan kepentingan membentuk organisasi keluarga yang harmoni juga merupakan faktor yang mendorong Konfusius mengasaskan satu aliran pemikiran dan falsafah tersendiri untuk berusaha mengembalikan keharmonian dan keamanan negara China (Hsu, Leonard Shihlien, 1975).

Justeru itu, Konfusius telah mengasaskan satu aliran pemikiran falsafah yang dikenali sebagai *Ju Chia (Confucianism)* untuk mencapai impiannya, iaitu untuk mengembalikan keharmonian dan keamanan negara China (Hsu, Leonard Shihlien, 1975).

HASIL KARYA

Banyak kumpulan karya atau hasil tulisan yang dihasilkan tentang Konfusius dan falsafahnya. Kebanyakan daripada hasil tulisannya berasal daripada hasil catatan pengkaji-pengkaji atau murid-muridnya (Cheu Hock-Tong, 2000). Dengan kata lain, aliran pemikiran dan falsafahnya dicatat oleh murid-muridnya sewaktu beliau menyebarkan ajarannya.

Walau bagaimanapun, kebanyakan pengkaji yang mengkaji pemikiran dan falsafah yang dibawa oleh Konfusius berpendapat bahawa hanya *Lun Yu (Analekta / Analects)* yang boleh diterima sebagai karya yang benar-benar mewakili buah pemikiran Konfusius (Obaidillah, 1994).

Lun Yu merupakan sebuah karya yang mengumpulkan segala nota dan kata-kata Konfusius. Nota dan kata-kata Konfusius inilah yang kemudiannya dicatat dan disunting oleh murid-muridnya selepas beliau meninggal dunia. Di dalam *Lun Yu* tercatat perkara-perkara yang berkaitan dengan aliran pemikiran Konfusius, iaitu dikenali sebagai *Ju Chia (Confucianism)*.

Dalam konsep *Li* (keserasian) bermaksud keserasian kaedah atau cara yang digunakan untuk melaksanakan sesuatu perkara (Hoobler / Hoobler, 1993). Menurut Konfusius, manusia perlu kepada satu pedoman dalam kehidupan kerana manusia tidak mengetahui sebarang pengetahuan pun sejak dilahirkan. Maka, kita haruslah mencontohi pengalaman orang lain untuk mendapatkan pedoman atau garis panduan. Terdapat beberapa teori

yang dijelaskan, iaitu teori *Cheng* (penyesuaian nama) yang bermaksud sesuatu yang hendak dilaksanakan mesti serasi dengan tingkah laku dan nama. Teori *Chung Yung* yang bermaksud 'Jalan Kesederhanaan' yang mementingkan bahawa seseorang haruslah bertindak sederhana ke atas segala yang dilakukan. Manakala teori *Hsiao* pula bermaksud 'ketaatan' atau 'kesetiaan'.

Bagi konsep *Ren* (perikemanusiaan) bermaksud perwatakan yang bermoral; manusia yang sejati; kasih sayang sesama manusia dan seumpamanya. Kepentingan konsep ini ialah mengajar agar manusia perlu memiliki sifat-sifat kemanusiaan, perlu sayang-menyayangi antara satu sama lain, melakukan kebaikan sesama manusia, tidak wujud sifat iri hati atau cemburu, melakukan kebajikan dan melakukan sesuatu yang memanfaatkan masyarakat dan lain-lain lagi. Sifat mementingkan diri sendiri diketepikan oleh Konfusius (Creel, Herrlee Glessner, 1972).

Bagi konsep *Xin* (kebolehpercayaan atau keikhlasan) pula bermaksud kejujuran dan keikhlasan harus dipentingkan sesama manusia.

Konsep *Yi* (amanah dan keadilan) yang dipegang oleh manusia haruslah dilaksanakan dan tidak boleh dicerobohi atau dicemari. Tindakan seseorang melakukan sesuatu yang akan menghilangkan maruah dan harga diri tetapi menegakkan moral, membina personaliti diri yang baik kepada lebih baik dan lain-lain lagi dipentingkan oleh Konfusius dalam konsep ini.

Manakala konsep *Zhi* (kebijaksanaan), iaitu seseorang itu harus mempunyai pengetahuan daripada pelbagai aspek. Hal ini disebabkan *Zhi* merupakan alat yang berkesan untuk mencorakkan kehidupan manusia.

Selain daripada *Wu Chang* (*Five Virtues*) atau sifat-sifat nilai murni, beliau turut memperlihatkan perhubungan sesama manusia yang dikenali sebagai *Wu Lun* (*Five Relationship*) (lima jurusan perhubungan atau pertalian) (Cheu Hock-Tong, 2000). Sebagaimana yang dihuraikan oleh Konfusius, perhubungan atau pertalian sesama manusia yang baik dan sempurna dalam aspek sosial adalah berasaskan kepada lima perhubungan seperti berikut:

1. Pemerintahan dan Rakyat.
2. Bapa dan Anak.

3. Suami dan Isteri.
4. Abang dan Adik.
5. Sahabat Tua dan Sahabat Muda.

(Hoobler/Hoobler, 1993)

Selain daripada *Lun Yu*, terdapat juga karya lain yang dikatakan mengandungi ajaran-ajaran Konfusius iaitu *Shu Ching (Kitab Hikayat)*, *Shih Ching (Koleksi Puisi)*, *Yi Ching (Kitab Tentang Perubahan)*, *Li Ching (Kitab Tentang Ritual dan Kesopanan)* dan *Chun Chiu (Rekod Musim Bunga dan Musim Gugur)* (Obaidellah, 1994).

ALIRAN PEMIKIRAN

Pengaruh dan falsafah Konfusius dapat dilihat dari aspek politik, sosial dan ekonomi sejak dari zaman dahulu hingga ke zaman moden.

Aspek Politik

Dalam masyarakat Cina, raja atau pemerintah merupakan perantara antara manusia dengan *Tien*, iaitu Tuhan (Tuhan untuk mentadbir negara China) (Cheu Hock-Tong, 2000). Konfusius mempercayai bahawa pemerintahan negara China adalah berdasarkan daripada Tuhan di syurga dan raja selaku orang yang diberi mandat oleh Tuhan untuk mentadbir negara.

Bagi Konfusius, konsep *Li* dan *Ren* memainkan peranan yang penting dalam aspek ini. Menurut beliau, kedua-dua konsep ini saling berhubung kait dan memainkan peranan penting dalam mewujudkan suasana aman dan sejahteraan sesebuah negara. Konsep *Li* merujuk kepada keserasian kaedah atau cara yang digunakan untuk melaksanakan sesuatu perkara, manakala konsep *Ren* merujuk kepada sifat-sifat murni atau perikemanusiaan yang ada dalam jiwa seseorang insan. Bagi beliau, pemerintah atau raja diibaratkan sebagai bapa, manakala rakyat pula sebagai anak (Hoobler/Hoobler, 1993). Kedua-dua hubungan iaitu raja sebagai bapa dan rakyat sebagai anak, diklasifikasikan oleh Konfusius semata-mata berdasarkan kepada aspek organisasi kekeluargaan (*Chia Ting*). Perkataan *Kuo Chia* (negara) telah digunakan untuk membentuk organisasi kekeluargaan dalam masyarakat Cina.

Menurut konsep kekeluargaan ini atau *Kuo Chia* (negara) seseorang

raja haruslah mempunyai sifat-sifat atau peribadi yang agung iaitu *Chun Tze* yang bermaksud nilai-nilai murni seperti kasih sayang, murah hati, berhati terbuka (boleh menerima kritikan, teguran, nasihat orang dan lain-lain lagi), tidak angkuh dan tidak sombong, bersifat sederhana dalam kehidupan dan adil memerintah terhadap rakyat dan negaranya (Cheu Hock-Tong, 2000). Dalam membincangkan sifat-sifat murni ini, sifat-sifat perikemanusiaan yang dijelaskan dalam konsep *Ren* juga harus dimiliki oleh raja semasa pemerintahannya.

Selain daripada sifat-sifat *Chun Tze* (peribadi agung), seseorang raja atau pemerintah juga seharusnya cenderung untuk menguruskan hal-hal peribadi dan keluarganya dengan baik. Sekiranya dia tidak dapat menguruskan peribadi dan keluarganya dengan baik, maka dia tidak akan menjadi seorang pemerintah atau raja yang baik. Hal ini adalah disebabkan negara terdiri daripada keluarga-keluarga atau unit-unit yang kecil, dan setiap unit terdiri daripada individu-individu iaitu seperti mana yang dikatakan oleh Konfusius, sumber bagi empayar ialah wilayah; sumber bagi wilayah ialah keluarga; sumber bagi keluarga ialah individu (Wang Gung Wu, 1962). Maka, dengan adanya konsep ini seseorang raja harus cenderung dalam menguruskan hal peribadi dan keluarganya sebelum boleh memerintah sebuah negara.

Bagi rakyat pula, dikatakan rakyat sebagai anak kepada raja, maka rakyat haruslah sentiasa menunjukkan ketaatannya terhadap raja. Seperti yang dijelaskan dalam konsep *Li*, terdapat teori *Chung* iaitu ketaatan yang cuba menjelaskan hubungan yang harus ada pada rakyat terhadap raja. Bagi Konfusius, ketaatan ini penting dikekang sama ada dalam aspek politik mahupun dalam aspek sosial. Menurut beliau lagi, ketaatan inilah yang membezakan manusia dengan binatang, dan sebagai seorang insan terutamanya rakyat, taat setia terhadap pemerintah atau raja amatlah penting serta rakyat tidak boleh menderhaka kepada negara dan raja (Wang Gung Wu, 1962).

Selain daripada konsep *Li* dan *Ren*, konsep *Yi* juga memainkan peranan yang penting dalam aspek politik. Konsep *Yi* merujuk kepada amanah dan keadilan yang dipegang kuat oleh pemerintah mahupun pihak yang diperintah. Contohnya, konsep *Yi* dalam falsafah Konfusius menjadi sumber utama dalam undang-undang kerajaan China. Konsep *Yi* ini juga dijadikan atau diamalkan oleh kebanyakan pembesar dan pegawai serta

rakyat untuk dijadikan sebagai panduan dalam melaksanakan tugas-tugas harian (W. N. Weech, 1976).

Tetapi, apa yang berlaku pada zaman kini, konsep Yi (amanah dan keadilan) yang ditekankan oleh Konfusius ini kurang diamalkan oleh pemerintah-pemerintah dan pegawai-pegawai pada zaman kini. Fenomena ini dapat dilihat apabila semakin banyak kes rasuah yang berlaku di kalangan pegawai dan pemerintah pada masa kini. Dengan kata lain, amanah yang dipegang oleh mereka mudah dicerobohi atas kepentingan masing-masing. Sikap lebih mementingkan diri sendiri atau individualistik dan materialistik wujud di kalangan mereka. Maka, konsep yang dipegang oleh Konfusius, iaitu menolak sama sekali sikap mementingkan diri sendiri dalam aspek ini jelas bercanggah dengan pandangan nilai zaman kini.

Bagi Konfusius, jika seseorang raja atau pemerintah tidak mengamalkan konsep-konsep seperti yang dinyatakan itu dengan melakukan kesalahan, perkara-perkara haram, bersikap zalim dan enggan menerima nasihat, maka suasana aman dan sejahtera serta mandat yang diberi oleh Tuhan kepada raja akan diambil kembali.

Keadaan akan menjadi lebih buruk jika raja atau pemerintah terus melakukan kezaliman dan kesalahan. Akhirnya sesebuah negara tersebut akan ditimpa bencana dan malapetaka (W. N. Weech, 1976).

Bagi Konfusius, seseorang raja atau pemerintah yang dapat mengamalkan konsep *Li* semasa pemerintahannya akan menjadikan sesuatu perkara itu mudah untuk dilaksanakan. Sebaliknya, jika pemerintah atau raja tersebut hanya membentuk satu rukun yang tidak boleh diterima oleh rakyat, maka konsep *Li* akan kehilangan maknanya.

Aspek Sosial

Sama seperti dalam aspek politik, dalam aspek sosial, Konfusius juga menegaskan kepentingan konsep kekeluargaan dalam mewujudkan kestabilan di negara China (Latourette, Kenneth Scott, 1964). Kestabilan merujuk kepada suatu keadaan yang tetap, aman dan teguh dalam sesebuah negara.

Konfusius telah memperlihatkan satu organisasi keluarga yang dikenali sebagai *Wu Lun* (*Five Relationship*) atau dikenali sebagai 'Lima Jurusan Pertalian' yang terdiri daripada lima hubungan seperti yang dinyatakan tadi.

Dalam mengendalikan hubungan antara pemerintah dengan rakyat, pemerintah harus sentiasa menjaga kebajikan rakyat. Manakala rakyat harus menunjukkan taat setia tidak berbelah bahagi kepada pemerintah.

Dalam hubungan antara bapa dengan anak pula, seorang bapa sewajarnya memberi kasih sayang kepada anak-anak serta mendidik mereka dengan nilai-nilai yang murni. Bapa akan membuat keputusan terhadap anaknya termasuklah hal yang berkaitan dengan mencari pasangan hidup (suami atau isteri) untuk anak-anak. Sebagai seorang anak yang taat setia dan patuh kepada perintah bapanya maka mereka tidak mempunyai kebebasan untuk mencari jodoh sendiri. Sesuatu perkahwinan itu mestilah melalui persetujuan daripada bapa.

Tetapi, pada zaman sekarang perkara ini tidak lagi diamalkan sepenuhnya. Anak-anak bebas memilih jodoh pasangan masing-masing. Namun, bagi masyarakat Cina, walaupun jodoh atau pasangan boleh dipilih oleh anak-anak sendiri tetapi sesuatu perkahwinan itu perlu melalui persetujuan daripada ibu bapa dan ahli keluarga.

Sehubungan itu, satu konsep yang penting bagi Konfusius dalam menjelaskan hubungan antara bapa dan anak ialah konsep *Hsiao* (*Filial Piety*). Sejak kecil lagi, anak-anak diajar supaya mematuhi perintah daripada bapa. Konsep ini mengarahkan anak-anak supaya menjalankan tanggungjawab sebagai seorang individu, anak, anggota dalam keluarga dan masyarakat. Misalnya, seseorang individu harus mematuhi apa yang disuruh oleh ibu bapa dan pematuhan ini tidaklah dipatuhi secara membabi buta. Menurut Konfusius, sekiranya didapati ibu bapa atau orang tua itu zalim dan enggan menerima nasihat apabila didapati melakukan kesalahan atau kezaliman, maka pujukan dan pematuhan seseorang itu harus diberhentikan untuk mengelakkan penghinaan (Dawson, Raymond Stanley, 1984).

Di samping itu, tanggungjawab untuk menjaga ahli keluarga selepas kematian bapa juga harus dijalankan oleh anak sulung lelaki (W. N. Weech, 1976).

Jika dilihat pada zaman kini, konsep *Hsiao* ini masih diamalkan oleh kebanyakan masyarakat Cina dalam kehidupan seharian mereka. Nilai-nilai moral seperti hormat-menghormati antara satu sama lain yang dipentingkan dalam ajaran Konfusius juga dipentingkan oleh masyarakat pada zaman kini. Anak-anak pada zaman kini juga diajar dan

disosialisasikan supaya menghormati dan mentaati ibu bapa dan orang tua.

Selain daripada itu, Konfusius juga menggalakkan orang ramai mengamalkan konsep *Hsiao* terhadap nenek moyang, iaitu dengan menjalankan aktiviti penyembahan dan pemujaan nenek moyang. Unsur sedemikian turut dilakukan oleh kebanyakan masyarakat Cina pada zaman moden. Maka, wujudlah apa yang disebutkan sebagai perayaan *Qing Ming* pada bulan Mac mengikut kalendar Cina. Mengikut Konfusius, pemujaan nenek moyang merupakan satu cara untuk mengenang jasa dan budi nenek moyang yang telah meninggal dunia. Beliau percaya bahawa ia merupakan suatu amalan baik yang harus diwarisi dari satu generasi ke generasi yang akan datang.

Dalam hubungan suami dan isteri, sepasang suami isteri mesti berhubung mesra. Sebagai seorang isteri, seseorang wanita itu harus taat kepada suaminya. Tugas mereka untuk melahirkan anak atau zuriat, mengurus kerja rumah dan mematuhi ibu mertuanya.

Tetapi pada zaman moden ini, wanita juga menceburkan diri dalam bidang pekerjaan. Konsep 'hanya suami yang menyara keluarga' tidak lagi diamalkan sepenuhnya, tetapi untuk hal-hal yang berkaitan dengan kewangan dan penyaraan keluarga pada zaman moden ini terletak pada kedua-dua pasangan suami dan isteri. Tambahan pula, ada di kalangan wanita pada zaman moden ini enggan melahirkan anak kerana anak dianggap sebagai satu bebanan kepada sesebuah keluarga.

Sementara itu, dalam menjelaskan hubungan antara abang dan adik, Konfusius berpendapat bahawa sebagai seorang abang, seseorang itu mempunyai kuasa untuk membuat keputusan bagi pihak adiknya. Ini dapat dilihat terutamanya apabila bapanya tidak berada dalam rumah ataupun telah meninggal dunia. Maka, abanglah yang akan bertindak sebagai seorang 'bapa'. Sebagai seorang adik pula, ia harus menghormati keputusan abangnya dan mematuhi apa yang disuruh oleh abangnya.

Tetapi pada zaman moden ini, konsep ini agak kurang sesuai diamalkan sepenuhnya. Tidak semua keputusan yang perlu dibuat oleh seseorang adik bergantung penuh ke atas abangnya. Dengan kata lain, hak untuk membuat sesuatu keputusan bergantung kepada diri sendiri. Walau bagaimanapun, secara asasnya seseorang adik perlu menghormati abangnya walaupun abangnya tidak dapat membuat keputusan untuk adiknya dalam semua perkara.

REFORMIS DUNIA menghimpunkan judul-judul yang menampilkan tokoh cendekia dan unggul yang banyak menyumbang jasa dalam pembinaan peradaban manusia. Judul-judul dalam siri ini merakamkan maklumat tentang riwayat hidup tokoh, bentuk sumbangan, senarai karya serta pengalaman dalam menuntut ilmu dan mengembangkan idea.

TOKOH FALSAFAH DUNIA mengetengahkan sebelas nama masyhur yang mengagumkan dunia dengan ketegasan mereka dalam mengemukakan sesuatu idea bagi menyelesaikan sesuatu kemusykilan. Antara tokoh yang dipaparkan ialah Imam al-Ghazali, Konfusius, Mahatma Gandhi dan Martin Heidegger.

Imam Ghazali merupakan tokoh falsafah yang berteraskan ilmu tasawuf dan sememangnya disanjung tinggi di kalangan masyarakat Islam sedunia. Masa muda beliau dikorbankan dengan berjihad menuntut ilmu dan mengajar sehingga terhasilnya karya masyhur seperti *Ihya' Utumuddin* dan *Minhajul Abidin*, yang menjadi rujukan umat Islam hingga hari ini. Manakala Konfusius terkenal dengan ajarannya yang mengutamakan aspek pembentukan budi pekerti yang mulia dalam kehidupan, dan masih lagi menjadi ikutan masyarakat Cina pada masa kini. Mahatma Gandhi pula terkenal dengan idea revolusi mencapai kebenaran dan perdamaian secara aman. Gandhi turut memperkenalkan nilai-nilai agama dalam sistem politik negara melalui konsep *Satyagraha*. Seterusnya Martin Heidegger yang dianggap sebagai pelopor bidang fenomenologi, begitu dikagumi kerana banyak menghasilkan penulisan berbentuk komentar terhadap karya sarjana sebelumnya. Karya beliau banyak diterjemah dan ditulis semula dalam pelbagai versi, termasuklah bahasa Jepun.



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD